

29 MAR 2001

Nik Aziz-Cina

TERSERAH KEPADA KAUM CINA JIKA MAHU SOKONG PAS, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 29 Mac (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata terserah kepada kebijaksanaan kaum Cina jika mereka mahu memberi sokongan kepada PAS.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata kaum Cina sememangnya cerdik dalam politik.

"Orang Cina, orang yang lebih bertamadun di muka dunia ini, dari segi tamadun dia lebih lama, dari segi pergeseran hidup dia lebih lama, kalau nak nasihat, boleh nasihatlah," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, yang mengingatkan kaum Cina supaya tidak terperangkap dengan muslihat PAS yang kini semakin giat mengatur strategi menjuarai isu-isu di kalangan mereka.

Nik Aziz berkata nasihat kepada orang Cina mengenai pengaruh PAS itu menggambarkan Umno "takut dan tersepit."

"Tentulah takut, kalau tak takut kenapa keluar kenyataan macam itu... nampak tersepit, saya tahu, ia sampai ke telinga saya, Umno telah tersepit," katanya.

Nik Aziz juga kesal dengan pihak tertentu yang membuat dan membesarkan isu beliau pergi ke Bukit Pelandok, Negeri Sembilan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi para penternak babi di kawasan itu.

Beliau menyifatkan isu yang ditimbulkan itu sebagai memfitnah ke atas dirinya kerana lawatannya itu atas jemputan bagi merasmikan sebuah pejabat cawangan PAS di kawasan tersebut.

"Serentak dengan itu saya diajak pergi melihat keadaan, tengok tapak yang terbengkalai. Seorang wakil minta saya selesaikan masalah melalui kehadiran saya pada mesyuarat Menteri-menteri Besar," katanya.

Beliau berkata Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Pelancogan, Kebudayaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) negeri, Anuar Tan Abdullah telah memberi jawapan bahawa masalah itu tidak dapat diselesaikan kerana Menteri Besar Kelantan tidak pernah dijemput ke mesyuarat Menteri-menteri Besar.

--BERNAMA

BD ZB